



EKONOMI GIG
GIG ECONOMY

EKONOMI GIG

GIG ECONOMY

Merujuk kepada OECD, Ekonomi Gig adalah berteraskan kepada penyatuan tugas khusus yang boleh dilakukan pada masa tertentu dan membolehkan pembekal dan pembeli mengurus niaga dengan kos yang paling efektif / tanpa melibatkan majikan. *According to the OECD, the core idea of the Gig Economy is the unbundling of specific tasks which can be performed at specific times allowing suppliers and purchasers of labour to transact in a cost-efficient way / without a traditional intermediary employer.*

Berdasarkan Kamus Oxford Learner, Ekonomi Gig ditakrif sebagai sistem ekonomi yang kebanyakannya melibatkan tempoh masa kerja yang singkat daripada pekerjaan tetap.

According to Oxford Learner Dictionaries; Gig Economy is defined as an economic system / which many short periods of work are available rather than permanent jobs.

Manakala merujuk kepada Kamus Cambridge, Ekonomi Gig ditakrif sebagai seseorang yang mempunyai pekerjaan sementara atau melakukan kerja yang berasingan / dan setiap pekerjaan atau kerja dibayar secara berasingan, dan bukannya bekerja untuk majikan.

Whereas in, Cambridge Dictionary; defined Gig Economy as people having temporary jobs or doing separate pieces of work / and each job or work was paid separately, rather than working for an employer.

Dalam erti kata lain, Ekonomi Gig dikenali sebagai karyawan bebas atau bekerja tanpa majikan.

In other words, the Gig Economy is best known as freelance or working without an employer.



Terdapat tiga pihak yang terlibat dalam Ekonomi Gig iaitu pekerja Gig atau karyawan bebas, pelanggan dan syarikat penyedia platform seperti GrabFood, Foodpanda, Lalamove, Bungkusit dan e-hailing seperti Grab.

There are three parties involved in the Gig Economy consisting of gig workers or freelancers, customers, and platform provider companies such as GrabFood, Foodpanda, Lalamove, and Bungkusit as well as e-hailing such as Grab.

Dengan perkembangan teknologi maklumat (IT) yang membawa kepada cara baharu menjalankan perniagaan, berikut adalah 10 kemahiran teratas dengan permintaan tinggi di luar negara. Pada asasnya, kemahiran dan perkhidmatan ini ditawarkan melalui aplikasi/ platform. 10 kemahiran tersebut adalah:

With the development of information technology (IT) which leads to new ways of doing business, here are the top 10 skills within high demands abroad.

These skills and services are offered using apps/platforms. The top 10 skills are:

-  **Membangun web dan mudah alih;**
Web and mobile development;
-  **Perakaunan;**
Accounting;
-  **Penulis kandungan;**
Content writer;
-  **Penyelidik internet;**
Internet researcher;
-  **Editor;**
Editor;
-  **Reka bentuk web;**
Web design;
-  **Perunding;**
Consultant;
-  **Pereka grafik;**
Graphic designer;
-  **Perekrut; dan**
Recruiter; and
-  **Kemasukkan Data.**
Data entry.

Contoh lain adalah seperti inisiatif Tenaga Kerja Dalam Talian Global atau GLOW Generator yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan bakat tempatan untuk menjadi karyawan bebas dan mempromosikan perkhidmatan atau kepakaran mereka ke pasaran global secara dalam talian.

Another example is the Global Online Workforce or GLOW Generator initiative announced by the Government. This initiative aims to empower local talents to become freelancers and promote their services or expertise to the global online market.

Ekonomi Gig merupakan salah satu daripada pelbagai model perniagaan dalam e-Dagang atau Ekonomi Digital. Aktiviti e-dagang ini dikategorikan sebagai aktiviti perniagaan dan tertakluk kepada Seksyen 4 (a) di bawah ACP, 1967.

The Gig Economy is one of the various business models in the e-Commerce or Digital Economy. This e-commerce activity is classified as a business activity and is governed by Section 4(a) of the ITA, 1967.

